



BAB 1

PENENTANGAN ORANG MELAYU TERHADAP MALAYAN UNION 1945-1948

United Malays National Organization (UMNO) telah ditubuhkan hasil daripada kesedaran politik orang Melayu menentang pengenalan *Malayan Union* sejak Disember 1945. Melalui kebimbangan mereka tentang kepupusan negeri, bangsa dan kebudayaan mereka, penyatuan orang Melayu menjadi begitu jelas dan bermakna sekali. Ia boleh dianggap sebagai satu kemuncak nasionalisme Melayu itu sendiri.

Malayan Union telah dirangka oleh Kerajaan Parti Buruh (*Labour Party*) sejak tahun 1943 oleh Pejabat Perang, Pejabat India dan Pejabat Tanah Jajahan British bertujuan untuk melicinkan dan mencantumkan pentadbiran negeri-negeri Melayu bagi menyediakan kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Ia juga dikatakan sebagai satu cara untuk mengajar Raja-raja Melayu kerana bekerjasama dengan Jepun. Ada juga yang mengatakan untuk menjaga kepentingan ekonomi terutama getah di Tanah Melayu dan Asia Tenggara daripada dikuasai oleh kuasa besar yang lain. Untuk membolehkan hal ini berlaku, kuasa undang-undang dan kedaulatan negeri Melayu diletakkan dalam kuasa kerajaan British dan satu bentuk kerakyatan yang seragam diadakan.¹

*“His Highness the Sultan agrees that his Majesty shall have full power and jurisdiction within the state of Selangor.”*²

Rancangan *Malayan Union* ini menimbulkan bantahan yang hebat daripada orang Melayu. Akhbar-akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Negara* memainkan peranan utama dengan menjadi pengkritik awal dan penghebah kepada keburukan *Malayan Union*.³ Akhbar-akhbar

ini juga memuatkan surat-surat pembaca yang mengkritik *Malayan Union*. Persatuan negeri-negeri Melayu yang tumbuh sebelum perang dan selepas perang, menghantar nota-nota bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office*).⁴ Orang ramai di Kedah dan Kelantan mengadakan tunjuk perasaan menentangnya.⁵ Tegasnya, penentangan kepada *Malayan Union* adalah kesedaran politik yang sangat penting selepas Perang Dunia.



Gambarajah 1.1: Orang Melayu bersatu teguh menentang *Malayan Union*.

(Sumber: Utusan Melayu (M) Berhad)

Penentangan ini berpunca daripada beberapa perkara yang terdapat dalam gagasan *Malayan Union* itu. Pertamanya, mereka tidak berpuas hati dengan cara kedaulatan Raja-raja Melayu diambil. Bagi kebanyakan orang Melayu, Harold MacMichael menggunakan ancaman dan tidak membenarkan Raja-raja Melayu mendapat nasihat yang cukup daripada Majlis Mesyuarat Negeri.⁶ Mereka juga menentang kehilangan kedaulatan Raja-raja Melayu. Penghapusan kedaulatan Raja-raja Melayu ini akan menyebabkan orang-orang Melayu kehilangan kepimpinan tradisional mereka. Orang Melayu juga percaya mereka akan kehilangan kedudukan sebagai peribumi Tanah Melayu akibat daripada kerakyatan *Malayan Union* yang longgar. Mereka bimbang keadaan ini akan menjadikan mereka satu masyarakat yang kecil di Tanah Melayu. Mereka juga melihatnya sebagai satu penjajahan ke atas Tanah Melayu.⁷